

09 SEP 1998

Abu Hassan-Masjid

UCAPAN POLITIK DILARANG DI MASJID DAN SURAU

SHAH ALAM, 9 Sept (Bernama) -- Pegawai-pegawai agama di Selangor diingatkan supaya tidak membenarkan ucapan-ucapan politik di masjid dan surau di negeri itu, kata Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar.

Beliau berkata jika terdapat bukti yang masjid dan surau digunakan untuk tujuan itu tindakan tegas akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal menghalang perkara itu daripada berlaku.

"Pegawai-pegawai masjid dan surau diamanahkan tanggungjawab memastikan tempat-tempat itu digunakan untuk tujuan ibadat sahaja," kata beliau kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Majlis Sukan Negeri Selangor Holdings Sdn Bhd (MSNS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, hari ini.

Abu Hassan berkata, mereka yang ingin berceramah, sama ada ceramah politik ataupun agama di masjid dan surau perlu mendapat kebenaran Jabatan Hal Ehwal Islam terlebih dahulu.

Beliau juga berkata, Umno Selangor berpuas hati sepenuhnya dengan penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung tindakan memecat, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada semua jawatan kerajaan dan juga daripada parti.

Abu Hassan berkata, ketua-ketua bahagian dan cawangan dari Selangor yang menghadiri sesi penjelasan itu menyatakan rasa lega mereka dan berpendapat kini mereka di kedudukan lebih baik untuk menjelaskan kepada anggota akar umbi akan alasan di sebalik pemecatan Anwar.

"Jikapun masih terdapat kekeliruan mengenai isu itu di kalangan anggota Umno Selangor, besar kemungkinan ia di kalangan mereka yang masih belum dapat menerima realiti," katanya.

Majlis hari ini turut disaksikan oleh Naib Canselor UKM, Professor Datuk Dr Anuwar Ali dan di bawah MoU itu, UKM akan menyediakan khidmat kepakaran kepada anak syarikat MSNS, MSNS Sports Care dalam bidang Perubatan Sukan untuk meningkatkan prestasi atlet Selangor.

MSNS diwakili oleh pengerusi lembaga pengarahnya Datuk Zainal Dahalan yang juga merupakan Pengerusi Pembangunan Luar Bandar, Belia dan Sukan sementara UKM diwakili oleh Pengarah Biro Perundingan Profesor Madya Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah.

-- BERNAMA

KM PR